

Newspaper	Sinar Harian
Date	8/5/2013

Anti Melayu atau anti BN?

Sinar Harian - 8/5/2013

MUHAMAD MAT YAKIM

Analisis BERITA

Apakah yang disebut 'tsunami Cina' tiba-tiba menjadi isu selepas pilihan raya umum baru lalu. Bunyinya agak rasis. Dan apa yang dimaksudkan daripada frasa itu sememangnya berpunca daripada suatu fenomena yang dianggap rasis.

Tsunami Cina dikaitkan dengan kejayaan DAP yang sejak sekian lama dilabel sebagai parti cauvinis Cina, meraih 38 atau 70 peratus daripada kerusi pembangkang di Dewan Rakyat pada PRU13.

Ironinya, parti itu hanya bertanding 51 kerusi berbanding PKR yang bertanding 99. PKR bagaimanapun hanya menang 30. Pas pula menang 21 daripada 73 kerusi yang ditandingi.

Parti Cina dalam BN, MCA hanya menang tujuh daripada 37 kerusi Parlimen yang ditandingi. Sebuah lagi parti dominasi Cina BN, Gerakan hanya menang satu daripada 11 kerusi Parlimen. Parti Cina Sarawak, SUPP yang bertanding di enam kawasan, juga hanya menang satu.

Dianggarkan 90 peratus daripada pengundi Cina pada pilihan raya umum kali ini memilih pembangkang.

Angka-angka ini ternyata menjadi petunjuk jelas akan fenomena peralihan besar-besaran pengundi Cina daripada BN kepada pakatan pembangkang yang langsung mencetuskan apa yang dipanggil 'tsunami'. Dan tsunami ini ternyata sangat memberi kesan kepada BN secara keseluruhan.

Sehubungan itu, ada sesetengah pemimpin Umno yang agak emosi ketika mengulas situasi ini. Kekecewaan mereka tidak sukar untuk difahami kerana kali ini, Umno berjaya mencatat kemenangan dengan jumlah kerusi yang besar iaitu sembilan kerusi Parlimen lebih banyak berbanding PRU12.

Bagaimanapun kemenangan BN yang seharusnya dicatatkan dengan jumlah kerusi lebih banyak, malah mungkin mencapai majoriti dua pertiga dinafikan pula oleh kemerosotan prestasi MCA. Daripada kemenangan di 15 kerusi Parlimen pada PRU12, MCA hanya mampu mendapat tujuh kerusi Parlimen pada PRU13.

Bekas Ketua Menteri Melaka, Datuk Seri Mohd Ali Rustam secara terang-terangan menyifatkan pengundi Cina sebagai tidak mengenang budi, rasis dan mengundi atas semangat perkauman, bukan meritokrasi.

Ali ternyata begitu kecewa, apa lagi setelah beliau sendiri tewas di kerusi Parlimen Bukit Katil kepada calon PKR yang dipercayai akibat peralihan undi Cina.

Memang Ali agak emosi dalam kenyataannya. Ini sudah tentu kerana sepanjang 12 tahun menjadi ketua menteri, beliau merasakan telah banyak yang dilakukan dan memberi faedah kepada kaum Cina di Melaka.

Namun memarahi pengundi sudah tentu



Kerajaan yang diberi mandat memerintah wajib mengusahakan perpaduan yang semakin berjurang. Gambar sekadar hiasan.

bukan langkah yang bijak dalam menangani situasi seperti ini, apa lagi oleh seorang pemimpin yang kanan lagi berpengalaman sepertinya.

Sebagai seorang demokrat, Ali seharusnya menerima keputusan itu dengan hati yang terbuka dan berlapang dada. Kenyataan yang bernada sama juga disuarakan Setiausaha Veteran Umno Malaysia, Datuk Mustapha Yaakob.

Memang tidak manis bagi seseorang pemimpin menerima keputusan itu dengan hati yang terbuka dan berlapang dada. Kenyataan yang bernada sama juga disuarakan Setiausaha Veteran Umno Malaysia, Datuk Mustapha Yaakob.

Sehubungan itu, apa yang paling perlu diberi keutamaan ialah merapatkan semula jurang yang membahayakan ini.

Presiden MCA, Datuk Seri Dr Chua Soi Lek ketika mengulas trend ini mengatakan, keputusan PRU13 secara tidak langsung telah membentuk sistem dua parti yang berasaskan perkauman di negara ini.

"Ini satu contoh klasik apabila Umno jadi semakin kuat dengan bertambah wakilnya di Dewan Rakyat. DAP juga menang besar. Sistem dua parti nampaknya seperti sudah bermula apabila orang Cina memilih untuk berada di pihak pembangkang," katanya sebagaimana yang disiarkan *Star* sehari selepas pilihan raya.

Meskipun kemenangan DAP memper-

lihatkan begitu ramai pengundi Cina tidak lagi menyokong kerajaan sebaliknya berpihak kepada pembangkang, apakah wajar untuk mereka dituduh rasis atau bersikap perkauman?

Secara berfakta, mereka hanya memilih untuk tidak mengundi BN dan apakah ini sudah cukup untuk dikatakan mereka bersikap perkauman atau anti Melayu?

Barang kali benar (mereka anti Melayu) dan mungkin juga sesetengahnya tidak. Apa pun kenyataan yang 'membakar' harus dielakkan, terutama oleh ahli-ahli politik.

Apa yang harus diperhalusi di pihak kerajaan ialah berusaha untuk memahami apa yang sebenarnya jadi keutamaan bagi kaum Cina pada pilihan raya ini.

Jika selama ini mereka begitu setia memilih BN, mengapa kali ini mereka berubah hati? Apa umpan janji yang terlalu memikat bagi mereka untuk berpihak kepada pembangkang yang belum tentu mampu memberi seperti apa yang diberi oleh kerajaan BN kepada mereka selama ini?

Seperti kata Dr Chua, orang Cina tersilap mengangka DAP mampu berdiri sendiri sebagai kerajaan sedangkan hakikatnya tidak. Mereka masih memerlukan undi orang Melayu menerusi Pas dan PKR untuk mendapat majoriti kerusi Parlimen.

Ironinya selepas pilihan raya ini, ada orang Cina yang berasa tertipu apabila dalam mereka bersemangat memberi undi kepada pembangkang untuk menumbangkan BN, pengundi Melayu pula sebaliknya membuat

pusungan U hingga terjadi seperti apa yang dikata oleh Dr Chua, sistem pemerintahan dua parti yang berasaskan perkauman, orang Melayu di sebelah kerajaan dan orang Cina di pihak pembangkang.

Entah apa pula yang difikirkan oleh Presiden MCA itu boleh membantu BN dengan keputusan untuk tidak menerima sebarang jawatan kerajaan di peringkat Persekutuan dan negeri selepas PRU ini?

Walau apa pun, di pihak Umno, pemimpinnya harus lebih bersabar dan ber-tenang. Jangan semberono mengecam pengundi Cina, memperlekeh mereka yang telah menunaikan hak dan membuat keputusan kerana tindakan seumpama itu hanya akan melebarkan lagi jurang pemisah antara mereka dengan parti kerajaan.

Let bygone be bygone, kerana keputusan sudah dibuat. Apa yang harus diberi tumpuan untuk tempoh lima tahun akan datang ialah mengiatkan lagi program transformasi yang ternyata masih belum berjaya memikat hati pengundi Cina. Polarisasi akan jadi cabaran terbesar kerajaan Datuk Seri Najib Tun Razak dalam menghadapi PRU14.

Sama ada disuka atau tidak, pengundi Cina seperti juga orang Melayu dan kaum lain, mempunyai hak untuk mengundi dan membuat pilihan di sisi Perlembagaan. Sehubungan itu, hak mereka tidak boleh sama sekali diperlekehkan.

Kuasa masih lagi di tangan BN, maka gunakanlah kuasa itu dengan sebaik mungkin untuk sentiasa bersikap lunak terhadap mereka yang menentang.